

Pemilihan Jenis-Jenis Motif Ukiran Pada Rumah Warisan Selepas Kedatangan Islam ke Tanah Melayu

(Selection of Carving Motif Types on Heritage Houses After the Dissemination of Islam in Malaya)

Azreena Abu Bakar^{a*}, Kamarul Afizi Kosman^a & Nor Zalina Harun^b

^a*Jabatan Seni Bina dan Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia*

^b*Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia*

*Corresponding author: azreena@ukm.edu.my

Received 29 June 2022, Received in revised form 1 July 2022

Accepted 14 July 2022, Available online 30 October 2022

ABSTRAK

Ukiran warisan Melayu banyak dipengaruhi oleh budaya Hindu-Buddha sebelum kedatangan Islam. Ia jelas terbukti dengan lukisan haiwan mitos dan tumbuhan motif yang terdapat pada objek arkeologi di Lembah Bujang. Kedatangan Islam ke Tanah Melayu pada abad ke-14 akhirnya membawa perubahan yang besar dalam dunia seni ukiran termasuklah di Terengganu dan Kelantan. Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk mengenal pasti motif awal yang digunakan selepas penyebaran Islam di Tanah Melayu. Negeri Kelantan dan Terengganu dipilih kerana kebanyakan rumah lama dan pengukir-pengukir mahir lahir di sana dan terkenal dengan kepelbagaian motif ukiran. Sebanyak empat belas buah rumah yang dikenal pasti sebagai rumah warisan dipilih. Ukiran pada 12 buah rumah di Kelantan dan Terengganu adalah merujuk kepada lukisan terukur di Pusat Kajian Alam Melayu (KALAM) UTM, Skudai. Sebuah rumah warisan kemudiannya dipilih sebagai sampel yang paling ideal daripada 14 buah rumah warisan yang dipilih untuk mengenal pasti motif awal yang digunakan selepas kedatangan Islam. Dua pengukir tersohor ditemu bual dalam aspek pemilihan motif. Kajian yang dilakukan adalah tertumpu kepada beberapa komponen bahagian rumah yang mempunyai banyak motif ukiran seperti pada dinding dan lubang pengudaraan. Motif-motif ukiran tersebut dikaji akan kepentingannya dari segi pemilihan motif dan perletakan. Hasil dapatan kajian ini ialah terdapat empat jenis motif yang sering dipilih selepas kedatangan Islam ke Tanah Melayu iaitu motif flora, fauna, kaligrafi dan geometri. Diharapkan kajian ini sedikit sebanyak dapat memberi sumbangan terhadap pencarian identiti Malaysia dalam konteks sejarah dan warisan.

Kata kunci: Jenis-jenis motif ukiran; ukiran rumah warisan; motif-motif ukiran dalam Islam

ABSTRACT

Malay heritage carvings were heavily influenced by Hindu-Buddhist culture before the dissemination of Islam. This is evidenced by the paintings of mythical animals and floral motifs found on archaeological objects in Lembah Bujang. The arrival of Islam in Malaya in the 14th century finally brought great changes in the world of carving, including in Terengganu and Kelantan. This study aimed to identify the initial motifs used after the dissemination of Islam in Malaya. The states of Kelantan and Terengganu were chosen because most of the old houses and skilled woodcarvers were born there and are famous for their various carving motifs. Fourteen houses identified as heritage houses were selected. The carvings on 12 houses in Kelantan and Terengganu were based on measured drawings at the Center for Malay Studies (KALAM) UTM, Skudai. A heritage house was then selected as the ideal sample of the 14 heritage houses selected to identify the initial motifs used after the dissemination of Islam. Two famous woodcarvers were interviewed on the aspect of motif selection. The study focused on some components of the house with many carved motifs such as on walls and ventilation panels. The carving motifs were studied for their importance in terms of motif selection and placement. The results of this study found that there are four types of motifs that are often chosen after the dissemination of Islam in Malaya which are flora, fauna, calligraphy and geometry motifs. It is hoped that this study can contribute to the search for Malaysia identity in the context of history and heritage.

Keywords: Carving motifs types; heritage house carvings; carving motifs in Islam

Sebelum kedatangan Islam ke Tanah Melayu, kepercayaan terhadap animisme sangat meluas sehingga menjadi anutan kepada masyarakat Melayu pada masa itu dan secara tidak langsung ia telah mempengaruhi seni ukiran. Animisme bermaksud setiap benda yang mempunyai jiwa atau roh dan mempunyai keperibadian sendiri. Menurut Abdullah (1990), kepercayaan terhadap jiwa, roh atau semangat sangat mempengaruhi kehidupan mereka yang dapat dikesan melalui mitos, legenda dan memori. Maka tidak hairanlah jika motif yang digunakan pada masa itu lebih kepada bentuk figura dan juga binatang.

Apabila Islam mula memasuki Tanah Melayu, ajaran Islam mula meresap ke dalam pemikiran masyarakat pada masa itu dan secara tidak langsung Islam melarang penggunaan motif-motif berbentuk figura dan binatang yang sememangnya bertentangan dengan akidah Islam. Dalam penulisan Prizilla (2016), Terdapat banyak hadis sahih melarang seorang muslim menggambar makhluk bernyawa dan salah satunya (HR Bukhari: 5949 dan Muslim 2106) berbunyi:

إن أشد الناس عذاباً يوم القيامة المصورون

Ertinya: Yang paling parah seksanya di hari kiamat adalah mushawwir (tukang membuat patung/tukang gambar)

Islam menganjurkan penggunaan motif bunga-bunga, tumbuh-tumbuhan, geometri dan kaligrafi sebagai menggantikan apa yang telah dipraktikkan selama ini. Ajaran Islam juga turut dijadikan inspirasi dalam penggunaan bentuk ayat-ayat Al-Quran yang digunakan sebagai tema. Perubahan ini memberi inspirasi kepada tukang untuk memberi tumpuan kepada motif flora yang terdapat di dalam persekitaran tempatan untuk ukiran pada rumah. Salah satu bentuk rumah Melayu yang wujud pada zaman dahulu ialah rumah bumbung panjang. Rumah bumbung panjang merupakan jenis dan reka bentuk terawal yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Menurut Nasir dan Wan Teh (1994), sebelum kedatangan pengaruh budaya dari luar, rumah bumbung panjang menjadi lambang warisan bagi rumah Melayu. Waktu itu, pembinaan rumah biasanya didirikan berdasarkan alam sekitar dan juga melalui gaya hidup masyarakat Melayu yang datang dari pelbagai etnik. Reka bentuk rumah bumbung panjang ialah antara salah satu bentuk rumah Melayu yang wujud ketika zaman tradisional. Rumah bumbung panjang juga terbahagi kepada beberapa jenis dan salah satunya dikenali sebagai Rumah Tiang Dua Belas.

Biasanya Rumah Tiang Dua Belas dimiliki oleh orang istana dan kaum kerabatnya. Rumah Tiang dua belas dipilih kerana menurut Mastor (2013), Rumah Tiang Dua Belas adalah rumah yang tercantik dalam seni bina alam Melayu dan motif yang digunakan pula adalah motif bunga lama. Ini disebabkan rumah Tiang Dua Belas merupakan rumah Melayu yang paling awal dibina di Malaysia berbanding

jenis rumah yang lain. Bagi mencari motif awal yang selepas kedatangan Islam, rumah Tiang Dua Belas menepati kaedah pencarian ini kerana untuk mencari motif asal Melayu perlulah bermula dari rumah Melayu yang paling awal dibina.

Pada zaman warisan dahulu, rumah tiang dua belas menjadi asas untuk seni bina istana Raja Melayu. Oleh itu, Istana Tele atau dikenali sebagai rumah Tengku Nik di Terengganu yang didirikan pada tahun 1880 telah dipilih sebagai sampel dalam kajian ini. Pengkhususan dibuat ke atas motif bunga ukiran pada setiap sisi rumah bagi melihat dengan jelas akan keunikan yang terdapat disebalik reka bentuk yang dipilih. Dipercayai rumah tersebut mempunyai kepelbagaian motif termasuklah flora dan fauna. Setiap motif yang dipilih semestinya terdapat penjelasan dan membawa makna yang tertentu.

Farish (2003) menyatakan bahawa simbol semula jadi seperti teratai, biji, daun dan kelopak bunga dan tumbuh-tumbuhan dipilih kerana mempunyai makna yang ketara. Simbol-simbol yang paling popular adalah motif benih pecah diibaratkan seperti kehidupan dan tenaga, sering digambarkan dalam bentuk sulur paut berbunga dan akar. Bentuk teratai terbuka mendedahkan keindahan dan rahmat manakala imej tumbuhan anggur yang beralun pula membawa maksud awan yang berarak. Haiwan juga digunakan sebagai motif tetapi dengan cara yang mudah.

KAEDAH KAJIAN

KAJIAN ANALISA LUKISAN TERUKUR

Kaedah kajian yang dijalankan adalah berdasarkan kajian lukisan-lukisan terukur yang terdapat di KALAM (UTM). Lukisan-lukisan terukur dan laporan ini dihasilkan dan didokumentasikan oleh pelajar program seni bina dari Universiti Teknologi Malaysia. Berdasarkan hasil kajian tersebut, dapat dirumuskan bahawa terdapat empat belas buah rumah yang dikenal pasti sebagai Rumah Tiang Dua Belas di Kelantan dan Terengganu. Tujuh buah rumah terletak di Kelantan dan enam buah rumah lagi terletak di Terengganu. Jadual 1 menunjukkan senarai Rumah Tiang Dua Belas di Kelantan dan Terengganu berserta tarikh pembinaan rumah, nama pemilik dan lokasi rumah tersebut.

JADUAL 1. Senarai Rumah Tiang Dua Belas di Kelantan dan Terengganu.

No	Pemilik	Tahun dibina	Lokasi
1	Tok Ku Paloh,	1800 an	Terengganu.
2	Hj Nik Salleh Wan Ahmad,	1800 an	Kelantan.
3	Puan Wan Cik bt Sulaiman,	1880 an	Kelantan
4	Wan Sulong	1920 an	Kelantan
5	Mariam Mat	1880 an	Terengganu
6	Abdul Rahim Endut	1900 an	Terengganu
7	Wan Embong Wan Awang	1890 an	Terengganu.

bersambung ...

... sambungan

8	Hajjah Wan Mek	1800an	Kelantan
9	Mohamad Dobah	1830 an	Kelantan.
10	Tengku Nik (Istana Maziah)	1880 an	Terengganu
11	Cik Teh (Istana Maziah)	1880 an	Terengganu
12	Hj Che Sidik	1820 an	Kelantan
13	En. Hussein	1850 an	Kelantan
14	Haji Awang	1850 an	Terengganu.

Rumah Tiang Dua Belas dipilih kerana rumah jenis ini merupakan rumah tradisonal Melayu paling awal dibina. Menurut kajian Zakaria (1994), seni ukiran telah bermula di Kelantan dan Terengganu sejak abad ke 16 semasa era Langkasuka dimana Islam telah bertapak di sana dan mempengaruhi serta merubah seni ukiran dari segi motif, maksud dan tujuan. Oleh itu, kedua-dua negeri ini menitikberatkan ajaran yang dituntut oleh Islam daripada jenis rumah yang lain. Perlunya kajian ini sebagai langkah untuk pengumpulan data dan dokumentasi supaya warisan Melayu tidak hilang dan pupus. Daripada 14 rumah tersebut, satu buah rumah yang dipilih sebagai sampel utama untuk mengkaji jenis-jenis motif awal selepas kedatangan Islam iaitu rumah Tengku Nik di Terengganu. Rumah Tengku Nik dipilih berdasarkan beberapa kriteria iaitu yang pertama, jenis rumahnya iaitu Rumah Tiang Dua Belas iaitu rumah warisan Melayu yang paling awal dibina selepas kedatangan Islam.

Kedua ialah tuan rumah ini beragama Islam. Ketiga ialah arah rumah ini menghadap kiblat. Menurut Ahmad et al. (2012), selepas kedatangan Islam, terdapat segelintir rumah masyarakat Melayu, walaupun bukan semua rumah mula dibina dengan menghadap kiblat. Hal ini adalah bagi menunjukkan kedaulatan agama Islam yang dipraktikkan oleh penghuni rumah tersebut.

Keempat, rumah ini terletak di Negeri Terengganu kerana Terengganu merupakan tempat lahir ramai pengukir tersohor dan semestinya hasil tangan pengukir tersebut diaplikasikan dalam seni ukir rumah ini. Kelima ialah status pemilik rumah sebagai golongan raja kerana raja sahaja yang boleh mendirikan jenis rumah Tiang Dua Belas pada waktu itu. Keenam ialah ukiran paling banyak didapati ialah pada istana kerana pengukir zaman dahulu dititahkan

untuk menetap berhampiran istana untuk memudahkan kerja-kerja pengukiran dilakukan di istana. Ketujuh ialah tahun pembinaannya pada 1800 an iaitu lebih dari 100 tahun dan kebanyakan rumah pada waktu tersebut telah musnah akibat peperangan dan usang. Kelapan ialah rumah ini masih mempunyai dokumen lengkap akan kewujudannya berbanding rumah-rumah lain yang seusia dengannya.

Kesembilan ialah adanya unsur motif geometri pada rumah tersebut kerana menurut Division of Education (2004), bentuk geometri, pengulangan dan variasi mencerminkan asas kepercayaan Islam dalam kejadian alam yang berantai dan harmoni yang datang dari elemen yang berbeza kepada penyatuan. Oleh itu, penciptaan corak geometri Islamik yang menjadi tradisi dalam seni dan seni bina Islamik, mencerminkan budaya Islam (Siddiqui, 2010; Ahmed, 2014). Oleh itu ia menguatkan lagi andaian bahawa rumah Tengku Nik merupakan rumah warisan selepas kedatangan Islam ke Tanah Melayu berdasarkan penulisan di atas. Edisi dan pengeluaran semula beberapa lukisan yang didokumenkan telah dibuat untuk meningkatkan ketepatan dan kualiti visualnya untuk tujuan paparan dan analisis data. Objek yang menyediakan data mentah untuk kajian analisa haruslah dapat dilihat, difahami atau diletakkan dalam beberapa rangka kerja analisis sebelum ia boleh dianggap sebagai data (Emrison & Smith, 2000).

TEMU BUAL BERSAMA PENGUKIR

Temu ramah telah dilakukan bersama dua pengukir yang tersohor dan terkenal dalam dunia dan seni ukiran Melayu. Pengukir pertama adalah En. Latif bin Long yang berasal dari Terengganu tetapi telah menetap di Kelantan dan pengukir kedua pula ialah En. Norhaiza yang berasal dari Besut. Temuramah ini dilakukan untuk mengenalpasti jenis motif-motif dan tujuan motif tersebut dihasilkan. Jenis temubual yang dilakukan alaha temubual separa berstruktur.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Hasil analisa mendapati terdapat 10 jenis motif yang terdapat pada fasad rumah Tengku Nik. Jadual 2 di bawah menunjukkan pelan dan pandangan hadapan rumah Tengku Nik beserta jenis ukiran dan perletakannya.











JADUAL 2. Perletakan motif ukiran pada Rumah Tengku Nik

Rumah	Motif ukiran	Perletakan ukiran
Rumah Tengku Nik (Istana Maziah), Kuala Terengganu, Terengganu 1880 an		

Hasil analisa daripada rumah Tengku Nik di atas, maka setiap gambar jenis-jenis motif yang terlibat dikenal pasti akan nama motif dan perletakannya pada bahagian rumah

seperti pada Jadual 3. Hasil kajian didapati terdapat 10 jenis olahan motif yang terdapat pada rumah ibu sahaja.

JADUAL 3. Senarai nama dan bentuk motif pada bahagian rumah ibu Tengku Nik

Jenis dan senarai nama motif				
				
Motif Daun dan Bunga Cempaka Telur	Motif Bunga Ladu pecah Empat	Motif Telur Buaya	Motif Daun dan Bunga Cempaka Telur	Motif Daun dan Bunga Cempaka Telur
				
Motif Daun dan Bunga Cempaka Telur	Motif Daun kala Bukit	Motif Daun dan Bunga Cempaka Telur	Motif kaligrafi dan Daun Sayap	Motif Geometri

Dapat dilihat disini bahawa empat jenis motif ukiran terdapat pada Istana Tengku Nik iaitu motif flora, fauna, kaligrafi dan geometri seperti dalam Jadual 3. Seperti yang disebutkan di atas, motif yang paling banyak digunakan ialah motif flora iaitu Daun Sesayap yang digabungkan dengan ayat Al-Quran (kaligrafi). Ia menjadi motif dominan pada Istana Tengku Nik kerana dibuat sebanyak 24 panel bagi menghiasi rumah ibu.

Hasil keputusan yang diperolehi setelah kajian dibuat, sekali lagi data dicerakinkan untuk mengelaskan jenis-jenis motif yang digunakan. Hasil cerakinan yang dibuat, didapati terdapat empat jenis motif yang digunakan pada Istana Tengku Nik seperti pada Jadual 4 dibawah yang merangkumi motif flora, fauna, kaligrafi dan geometri.

JADUAL 4 Jenis-jenis motif pada rumah Tengku Nik

No	Nama motif	Jenis motif			
		Flora	Fauna	Khat	Geometri
1	Daun Sesayap	/			
2	Bunga Cempaka Telur	/			
3	Daun Kala Bukit	/			
4	Bunga Ladu Pecah Empat	/			/
5	Geometri				/
6	Telur Buaya		/		
7	Kaligrafi/ Al-Quran			/	

TUJUAN

Disebalik motif yang dipilih, pasti mempunyai jalan penceritaannya. Berdasarkan wawancara bersama pengukir, motif-motif yang dipilih mempunyai pelbagai tujuan. Tujuan pertama ialah sebagai lambang peringatan ataupun petua bahawa terdapat tumbuh-tumbuhan yang memberi manfaat kepada manusia seperti boleh dijadikan ubat dan penawar racun (Norhaiza 2013). Daun Sesayap dipilih sebagai salah satu motif yang menghiasi dinding rumah sebenarnya mempunyai fungsi tertentu seperti dapat menghentikan aliran darah jika berlaku luka kecil. Selain itu fungsi Daun Sesayap juga adalah untuk mengubati sakit perut anak-anak kecil.

Motif Bunga Ladu pecah Empat pula diilhamkan dari bentuk kuih Ladu iaitu sejenis kuih tradisional yang berbentuk rombus dan digunakan untuk tujuan perubatan. Kuih ini sering dimakan oleh ibu-ibu selepas bersalin untuk memanaskan badan kerana rasanya yang pedas dan berherba. Disebabkan daun Sesayap dan kuih Ladu banyak memberi manfaat kepada kehidupan masyarakat sewaktu dahulu, maka pengukir mengabadikan tumbuhan tersebut ke dalam bentuk olahan ukiran sebagai tanda untuk mengenali dan mengingati tumbuh-tumbuhan tersebut sebagai ubat yang mustajab.

Tujuan kedua adalah kerana keharuman bunga tersebut. Tumbuh-tumbuhan merupakan sumber makanan utama masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Tumbuh-tumbuhan juga mengeluarkan bunga yang harum semerbak baunya dan keharuman itulah dapat memikat hati dan perasaan manusia. Bunga Cempaka Telur juga mempunyai bau yang sangat harum malah berkembang pada waktu malam. Kebiasaannya pengukir kerap mendapat idea ketika di malam hari, dan bau harum dari bunga Cempaka Telur ini menambat hati pengukir sehingga menjadi pilihan motif ukiran pada rumah Tengku Nik. Tujuan ketiga pula adalah untuk mengingati sesuatu peristiwa yang terjadi kepada seseorang sama ada peristiwa itu pahit atau manis. Peristiwa yang terjadi itu biasanya berdekatan dengan pokok-pokok yang besar seperti pokok daun Kala Bukit. Menurut Latif Long (2013), orang kampung terdahulu terutama tukang-tukang dan pengukir sering memasuki hutan dan bukit untuk mencari kayu. Semasa dalam perjalanan mencari kayu hutan tersebut, mereka telah terjumpa sejenis tumbuhan di atas bukit yang menumpang hidup di batang pokok besar. Daunnya

berbentuk bujur telur dan mempunyai lima kelopak bunga serta berbau wangi lantas ia dinamakan pokok Kala Bukit kerana dijumpai di atas bukit. Maka ia terus popular di kalangan pengukir dan menjadi ilham dalam motif ukiran hingga ke hari ini.

Tujuan keempat ialah kerana larangan Islam dalam penggunaan bentuk figura bernyawa seperti yang telah diterangkan pada perenggan sebelum ini. Oleh itu tidak hairanlah jika motif flora boleh diterima dalam kesenian Melayu kerana Islam membenarkan penggunaan unsur hidup bukan figura dalam karya seni (Othman 1995). Maka itu, pengukir cuba mengabadikan ukiran bernyawa kepada bentuk yang lebih abstrak seperti telur buaya. Motif telur buaya digunakan pada lubang pengudaraan rumah kerana bertujuan untuk melihat ke luar jika ada pencuri atau penceroboh yang cuba membuat onar di kawasan rumah. Ia merupakan ciri keselamatan dimana orang luar tidak perasan jika tingkah lakunya diperhatikan dari dalam rumah. Selepas kedatangan Islam, motif kaligrafi banyak digunakan pada pintu masuk rumah. Unsur kaligrafi menggambarkan bentuk aksara Arab, ayat al-Quran dan tulisan Arab tempatan yang dipanggil Jawi (Abdul Halim Nasir 1987).

Tujuan kelima adalah sebagai tanda perlambangan dan nasihat kepada orang ramai. Antara contohnya ialah motif geometri pada rumah Tengku Nik. Bentuk asas motif geometri ini sebenarnya adalah poligon. Perkataan 'polygon' adalah terjemahan dari bahasa Greek iaitu 'poly' yang membawa maksud banyak dan 'gon' pula bermaksud sudut. Konsep yang digunapakai dalam reka bentuk atau corak geometri ini ialah susunan yang teratur dan harmoni, perpaduan dalam pelbagai bentuk dan bentuk simbolik kristal dalam alam semula jadi. Bentuk-bentuk geometri adalah seperti garisan, segi tiga, bulat, empat segi/kiub dan oktagon (Clark 2004). Dapat dilihat disini bahawa motif geometri ini diletakkan pada bahagian ruang rumah ibu dan perletakkannya agak sesuai sebagai lambang perpaduan sebuah keluarga kerana fungsi rumah ibu juga adalah sebagai tempat untuk sesebuah keluarga berkumpul.

Tujuan keenam ialah sebagai pedoman. Menurut Sandi (2018), kaligrafi tidak hanya diciptakan sebagai hiasan estetika semata, tapi juga memperhatikan nilai-nilai yang terkandung di dalam karya kaligrafi tersebut. Seperti dalam Kaligrafi Islam yang isinya terkandung dari ayat- ayat Al-Quran atau Al-Hadis. Al-Quran adalah kitab suci agama Islam sebagai pedoman untuk menjalani kehidupan yang

benar bagi umat muslim ianya adalah sebagai pegangan dan landasan yang perlu diikuti oleh seisi rumah dan orang yang melihatnya.

Akhir sekali, untuk tujuan keindahan. Menurut Bakar dan Utaberta (2013), elemen tumbuhan yang sering digunakan pada kebanyakan Rumah Tiang Dua Belas adalah berbentuk sulur bayur iaitu dimana batangnya melingkar ke atas seakan huruf 's' dan berputik dihujungnya. Jenis tumbuhan ini seringkali digunakan kerana sifat kelembutan yang ada pada lingkaran motif tersebut menjadi tatapan mata yang menyenangkan pada para penonton yang melihatnya. Selain itu, keindahan juga tidak semestinya merujuk kepada sesuatu jenis tumbuh-tumbuhan tertentu sahaja.

Contohnya motif geometri boleh dipadankan dengan pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan dan digabungkan dengan bentuk tertentu supaya apabila diukir kelak ia kelihatan cantik kerana kecantikan itu sudah menjadi sifat semulajadi manusia yang gemarkan sesuatu yang menarik. Oleh itu, motif geometri kerap di gabung dengan motif lain mengikut kesesuaian. Walaupun tiada lenggokan ukiran tetapi bentuk geometri tersebut masih nampak cantik dan sesuai perletakkannya pada sesebuah rumah.

KESIMPULAN

Hasil rumusan berdasarkan kajian pada Rumah Tengku Nik yang, didapati motif ukiran pada rumah warisan selepas kedatangan islam ke Tanah Melayu mempunyai empat jenis motif iaitu motif flora, fauna, kaligrafi dan geometri. Penggunaan motif flora sememangnya paling banyak didapati berbanding motif lain dan inilah yang disarankan oleh ajaran Islam iaitu menyarankan penggunaan tumbuh-tumbuhan. Untuk motif fauna pula, terlihat penemuan motif Telur Buaya. Walaupun perkataan buaya itu melambangkan figura bernyawa, pendekatan lain digunakan iaitu diolah menjadi abstrak iaitu menjadi Telur Buaya.

Ini menunjukkan keprihatinan pengukir dan tuan rumah terhadap larangan Islam terhadap pembuatan figura bernyawa. Penggunaan motif kaligrafi menunjukkan lagi pengaruh Islam pada waktu tersebut sebagai tanda perlunya mengingati Allah setiap masa. Akhir sekali ialah penggunaan motif geometri dimana ada yang berpendapat bahawa motif ini berasal dari negara Arab yang disebut Arabeque. Disini dilihat pengaruh Islam juga terdapat pada motif geometri. Diharapkan penemuan ini dapat membantu kearah pencarian identiti seni bina Malaysia dengan sedikit tambahan kajian lanjutan.

RUJUKAN

- Abdullah, A.R.H. 1990. *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya hingga Abad ke-19*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Abdul Halim Nasir. 1987. *Traditional Malay Woodcarving*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ahmad, F., Raja Shahminan, R.N., Ibrahim, F., & Mohd Nor, O. 2012. Pengaruh kedatangan Islam terhadap senibina dan ornamentasi pada rumah tradisional Melaka.
- Ahmed, A.S. 2014. The spiritual search of art over Islamic architecture with non-figurative representations. *Journal of Islamic Architecture* 3(1): 1-13.
- Bakar, A.A., & Utaberta, N. 2013. Motif-motif ukiran pada rumah tiang dua belas di Kelantan dan Terengganu. *Journal of Design+ Built* 6.
- Clark, E. 2004. *The Art of the Islamic Garden*. Crowood Press.
- Division of Education. 2004. *Islamic Art and Culture: A Resource for Teachers*. Washington: National Gallery of Art.
- Emrison, M. & Smith, P. 2000. *Researching the Visual: Images, Objects, Contexts and Interactions in Social and Culture! Inquiry*. London: SAGE Publications lid.
- Farish, A. Noor. 2003. *Spirit of Wood*. The art of Malay woodcarving. Periplus Editions (HK) Ltd.
- Latif Long, 2013, Personal Communication: Twelve Pillared House
- Mastor Surat, 2013, Personal Communication: Twelve Pillared House
- Nasir, A.H., & Wan Teh, W.H. 1994. *Rumah Melayu Tradisi*. Penerbit Fajar Bakti.
- Norhaiza Nordin, 2013, Personal Communication: Twelve Pillared House
- Othman Mohd. Yatim. 1995. *Islamic Arts*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Prizilla, A.B. 2016. Rupa ragam hias Batik Bernuansa Islam Keraton Cirebon setelah masa pra-Islam. *Jurnal Rupa* 1(2).
- Pusat Kajian Alam Melayu (KALAM), Lukisan Terukur Rumah Tengku Nik, Kuala Terengganu, Terengganu.
- Sandi, A. W. 2018. Makna Yang Terkandung Dalam Karya Kaligrafi Islam Kontemporer Abd. Aziz Ahmad (Doctoral Dissertation, Universitas Negeri Makassar).
- Siddiqui, E. 2010. *Islamic Art*. Colorado: Muslim Student Association, Colorado State University
- Zakaria, A. 1994. *Islamic Art in Southeast Asia 830 A.D.–1570 A.D*. Kuala Lumpur.